



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha  
Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah  
Teluk Likas, Peti Surat 11623  
88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia  
Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424  
E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)  
Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### UNTUK SIARAN SEGERA

19 Januari 2022

### KUNJUNGAN DUTA SWEDEN KE GALLERIA ARTISAN

**Kota Kinabalu:** Duta Negara Sweden ke Malaysia, Tuan Yang Terutama (TYT) Dr. Joachim Bergstrom mengadakan kunjungan ke Galleria Artisan Kumpulan Yayasan Sabah di Menara Tun Mustapha pada 18 Januari 2022.

Menyambut ketibaan beliau ialah Pengurus Besar Kristal Handal Sdn. Bhd. (KHSB), anak syarikat milik penuh Kumpulan Yayasan Sabah, Puan Zaiton Bakri dan staf KHSB.

Pada lawatan tersebut, TYT Dr. Joachim Bergstrom telah meninjau galeri bagi melihat hasil batik yang terdapat di galeri berkenaan. Beliau menyatakan perasaan kagum dan turut meminati hasil seni batik yang dihasilkan. Beliau juga berkesempatan melawat ke bengkel mencanting batik yang terletak di galeri tersebut.

TYT Dr. Joachim Bergstrom turut sempat memberikan pendapat beliau agar satu kerjasama reka bentuk batik negeri Sabah dengan negara Sweden dijalinkan pada masa akan datang.



TYT Dr. Joachim (tiga dari kanan) bergambar kenangan bersama Pengurus Besar KHSB, Puan Zaiton. Turut bersama dalam gambar adalah Staf KHSB dan pegawai pengiring kepada Dr. Joachim.



TYT Dr. Joachim diiringi oleh Puan Zaiton melihat hasil batik di Galleria Artisan.



TYT Dr. Joachim meninjau bengkel mencanting batik.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi

:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel : 088-326448  
Faks : 088-421526  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com